

HAK UNTUK MEMILIH AGAMA ANUTAN MENURUT PERSPEKTIF AGAMA-AGAMA DI MALAYSIA

FREEDOM TO CHOOSE RELIGIOUS AFFILIATION FROM THE PERSPECTIVE OF RELIGIONS IN MALAYSIA

Rohizan Halim¹
Rusniah Ahmad²
Rohana Abdul Rahman³
Fariza Romli⁴

^{1,2,3,4} Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Email: ¹rohizan@uum.edu.my, ²rusniah@uum.edu.my, ³hana@uum.edu.my, ⁴arfariza@uum.edu.my

Accepted date: 16-12-2018

Published date: 31-12-2018

To cite this document: Halim, R., Ahmad, R., Abdul Rahman, R. & Romli, F. (2018). Hak untuk Memilih Agama Anutan Menurut Perspektif Agama-agama di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 206-217.

Abstrak: Malaysia adalah negara yang terdiri dari berbilang kaum, bangsa dan agama. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan kebebasan menganuti dan mengamalkan agama bagi semua warganegara di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, ada sedikit perbezaan dari segi kebebasan memilih agama anutan di mana bagi orang Islam, mereka tidak boleh sewenang-wenangnya menukar agama. Sekiranya ingin keluar Islam, mereka harus mengikuti prosedur yang telah ditetapkan. Kekeliruan timbul di mana dari segi perundangan yang ada, tidak semua negeri yang memperuntukkan prosedur jelas untuk keluar Islam manakala hukuman atas dasar menghina Islam menanti mereka yang keluar Islam di negeri-negeri lain yang mana tiada peruntukan jelas. Dari sudut agama pula wujud perbezaan dari segi penerimaan untuk keluar atau masuk agama berkenaan. Kertas kerja ini meneliti aspek hak untuk menukar agama dari perspektif empat agama yang mempunyai ramai penganut di Malaysia iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Dapatan menunjukkan bahawa memilih agama lain adalah merupakan dosa besar dalam ajaran agama Islam. Bagi agama Kristian pula memilih agama lain merupakan dosa yang akan dihukum di hari Pembalasan manakala bagi agama Hindu dan Buddha tiada memperuntukkan halangan bagi memilih agama lain.

Kata Kunci: Agama; Tukar; Pilih; Islam; Hindu; Kristian; Buddha

Abstract: Malaysia is a country of many races, nations and religions. The Malaysian Constitution provides for freedom of profession and practice of religion for all citizens under

Article 11(1) of the Federal Constitution. However, there is little difference in terms of the freedom to choose the religion where for Muslims, they cannot freely change religion. If they want to go out of Islam, they have to follow the established procedures. The confusion arises in terms of existing legislation where not all states provide clear procedures for renouncing Islam while punishment on the basis of insulting Islam awaits those who renounce Islam in other states where there is no clear provision. From a religious point of view, there is a difference in terms of acceptance to go out or enter the religion. This paper examines the right in aspect of converting to another religion from the perspective of four religions that have many believers in Malaysia namely Islam, Christianity, Buddhism and Hinduism. The findings show that choosing another religion is a major sin in the teachings of Islam. For Christianity, choosing another religion is a sin that will be punished in the Day of Judgment while for Hinduism and Buddhism there is no barrier to choose other religions.

Keywords: Religion; Change; Choose; Islam; Hindu; Christianity; Buddha

Pengenalan

Kebebasan beragama adalah salah satu daripada hak yang diiktiraf sebagai hak kebebasan asasi manusia selain daripada hak terhadap pendidikan, prinsip kesamarataan, hak terhadap harta dan lain-lain. Asas kepada jaminan kebebasan beragama juga wujud dalam instrumen antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR 1948) dan Waad Antarabangsa Hak Sivil dan Politik (ICCPR 1966). Kebebasan beragama juga diiktiraf dalam beberapa Perlembagaan negara di dunia walaupun peruntukan di antara satu negara dengan negara lain adalah berbeza.

Negara-negara Islam melalui Perisytiharan Hak Asasi Islam Sejagat 1981 juga mengiktiraf prinsip kebebasan beragama di dalam Perkara XIII. Prinsip kebebasan beragama ini penting untuk dilindungi kerana agama adalah fitrah bagi setiap manusia dan agama penting dalam membangunkan akhlak masyarakat bertamadun. Penganut Islam menganggap agama adalah penting kerana ia merupakan *addin* iaitu panduan hidup yang sempurna dan menyeluruh yang diturunkan oleh Allah S.W.T yang menciptakan manusia. (Rahman, 2011)

Kehidupan tidak sempurna tanpa ada agama yang menjadi panduan untuk menjalani kehidupan. Agama Islam juga mengiktiraf kewujudan pelbagai anutan agama di kalangan makhluk yang diciptakanNya dengan beberapa ayat antaranya; (Basmeih, 2010)

Surah Yunus ayat 99, *“Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu, kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?”*. (Yunus: 99)

Surah Al Kahfi ayat 29, *“Dan katakanlah (wahai Muhammad) kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya. Kerana Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang ”*. (al-Kahfi: 29)

Pengiktirafan hak kebebasan beragama seterusnya dizahirkan dalam perlembagaan pertama negara Islam. Piagam Madinah (Islam, 2002) mengiktiraf kebebasan golongan *dhimmi* (bukan Islam) walaupun mereka tidak menyokong Islam.

Malahan prinsip sekularisme (pemisahan negara dari gereja dan undang-undang dari agama) (yang diwujudkan di Barat dalam abad ke 13 sehingga ke 19 juga mengiktiraf jaminan kebebasan beragama (Nasr, 2010). Dengan perkembangan sekularisme agama tidak lagi penting (Thompson, 1986) dan menjadi sesuatu yang bersifat peribadi dan bukannya asas kepada undang-undang negara (Ibrahim, 1997). Menurut Edge (2006), negara cuba untuk tidak campurtangan dalam isu-isu keagamaan dan dengan itu rakyat diberi kebebasan dalam menganuti dan mengamalkan ajaran agama masing-masing selagi tidak menggugat keamanan dan keselamatan negara.

Menurut Dorfman (2008), di kebanyakan negara Barat konsep kebebasan beragama mendapat tempat yang istimewa dalam Perlembagaan berbanding dengan hak kebebasan asasi yang lain sebagai contohnya Perlembagaan Amerika Syarikat yang memperuntukkan kebebasan mengamalkan agama oleh rakyatnya dalam *First Amendment*. Ini kerana sifat penghujahan agama yang berbeza atau distinktif dari hujah politik semata-mata memerlukan konsep ini dibezakan daripada konsep hak dan kebebasan yang lain.

Prinsip kebebasan beragama adalah disepakati, namun hak untuk memilih agama masih lagi dipertikaikan. Pertikaian ini wujud kerana perbezaan amalan di antara negara-negara di dunia termasuklah Malaysia. Tahap perlindungan kebebasan beragama yang sama bagi setiap negara tidak boleh diwujudkan kerana sifat instrumen antarabangsa yang tidak mengikat negara-negara yang tidak menandatangani (Aziz, 2007).

Oleh kerana hak kebebasan beragama adalah dilindungi baik melalui instrumen antarabangsa mahupun perlembagaan negara-negara di dunia serta dari segi ajaran agama itu sendiri, hak ini wajar dihormati walaupun terdapat perbezaan pendapat dan pandangan terhadap pernyataan secara tersurat melalui undang-undang. Di sebalik jaminan kebebasan beragama, hak untuk memilih agama (yang berkaitan dengan suara hati) masih menjadi perdebatan mengenai sejauh manakah kebebasan memilih agama dijamin.

Pemilihan Agama Anutan

Perkataan ‘agama’ berasal dari perkataan Sanskrit terdiri dari dua suku kata iaitu ‘a’ bermaksud tidak dan ‘gama’ bermaksud kacau. Jika dicantum kedua perkataan ini, membawa maksud bahawa agama mengatur kehidupan manusia dan menyusunnnya agar sentiasa aman dan harmoni (Rahman, 2011). Menurut Kamus Dewan (2007), agama ditafsirkan sebagai kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat dan kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya. Menurut Oxford Fajar Dictionary (2007), agama juga membawa maksud kepercayaan kepada kewujudan Tuhan atau dewa-dewa, yang telah mencipta alam seagat dan telah memberi kepada manusia sifat kerohanian yang terus wujud selepas badannya mati. Gunn (2003), walau bagaimanapun menyatakan kesukaran dalam memberikan takrifan undang-undang kepada perkataan agama dan Thompson (1986), mengaitkan perkataan agama kepada tiga cabang utama iaitu agama sebagai kepercayaan, agama sebagai identiti dan agama sebagai cara hidup. Wujud bentuk takrifan yang berbeza memperlihatkan kesukaran dalam memberikan takrifan kepada perkataan agama.

Menurut pakar sosiologi Weber (1966), cubaan untuk mentakrifkan perkataan agama hanya boleh dilakukan setelah mengambilkira semua faktor berkaitan seperti amalan dan tindak tanduk masyarakat terhadap sesuatu agama. Walaupun wujud kesukaran dalam mentakrifkan perkataan agama namun ada pihak yang telah memberikan takrifan terhadap perkataan agama yang boleh dijadikan panduan untuk memahami maksud agama yang sebenar.

Perkataan '*religion*' secara literalnya diterjemah sebagai agama berasal dari perkataan Latin '*religare*' bermaksud '*to bind*' (Rao, 2003). Oleh itu secara umumnya agama adalah perkara yang mengikat dan menjadi asas dalam setiap tindak tanduk manusia dengan kuasa yang diiktiraf sebagai tertinggi, umumnya dikenali sebagai 'Tuhan' (*God*). Dalam bahasa Arab disebut sebagai '*al-Din*' iaitu suatu ajaran yang meliputi seluruh kehidupan manusia meliputi urusan duniawi serta ukhrawi (Rahman, 2011).


Agama Islam mempercayai Allah S.W.T menentukan aturan yang mengikat manusia. Oleh itu, dalam Islam, agama bermaksud ajaran yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada umat manusia melalui RasulNya yang memberi petunjuk kepada perpaduan dan mengingatkan umat manusia mengenai perlakuan yang mendapat keredhaan Allah S.W.T. Wahyu ini juga bertindak sebagai petunjuk kepada manusia agar menjalani kehidupan secara aman dan bahagia di dunia (Nasr, 2010).

Menurut Durkheim (1954), agama tidak wujud jika tidak dapat melahirkan sebuah masyarakat. Ini kerana agama bukan entiti individu, sebaliknya agama adalah gambaran simbolik sesebuah masyarakat. Setiap puak mempunyai '*totem*' tersendiri yang dianggap sebagai Tuhan dan disembah. Agama adalah satu gabungan tersusun kepercayaan dan amalan berkaitan dengan sesuatu yang suci, yang menyatukan semua pengikut dalam satu unit yang dikenali sebagai gereja. Agama adalah lambang atau gambaran simbolik kehidupan bermasyarakat. Apabila sesuatu kepercayaan dapat melahirkan sebuah masyarakat, ia dianggap sebagai agama (Rahman, 2011).

Perkataan 'pilih' ditakrifkan oleh Oxford Fajar Dictionary (2007) sebagai memilih sesuatu yang paling baik atau paling sesuai. Jika dirangkum maksud perkataan agama dan pemilihan, secara umumnya perkataan pemilihan agama tersebut merujuk kepada pilihan yang dibuat oleh seseorang individu terhadap suatu kepercayaan mengenai prinsip ketuhanan yang difikirkan yang terbaik dan sesuai untuk dianuti dan diterima sebagai pegangan dan amalan hidupnya. Hak untuk menukar agama merujuk kepada hak individu untuk keluar dari satu agama dan memeluk agama lain secara sukarela. Penukaran agama yang berlaku adalah selaras dengan pendirian individu terbabit bahawa agama yang dianutinya sekarang tidak lagi memberikan kepuasan dari segi spiritual dan rasional.

Kebebasan Memilih Agama di Malaysia

Malaysia adalah negara berteraskan agama di mana peruntukan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan istimewa Islam sebagai agama Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan secara aman. Kontrak sosial yang telah dipersetujui antara tiga etnik terbesar menuntut agar kedudukan Islam dihormati dan sebarang usaha untuk mengecilkan kedudukan Islam akan menimbulkan sensitiviti golongan beragama Islam terutamanya kaum Melayu (Rajanthiran, 2010; Abdullah, 2010).

Carta 12: Taburan peratus penduduk mengikut agama, Malaysia, 2010*Chart 12: Percentage distribution of the population by religion, Malaysia, 2010*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2010

Daripada carta dapat dilihat bahawa di Malaysia, Islam mempunyai bilangan majoriti penganut, diikuti oleh Buddha, Kristian dan Hindu. Di Malaysia, perdebatan yang wujud mengenai sama ada pemilihan agama anutan adalah satu hak perundangan bagi setiap individu masih berterusan. Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan diberikan tafsiran berbeza pelbagai pihak. Perkara 11(1) mewujudkan tiga aliran pendapat iaitu pertama; pihak yang berpendapat isu pemilihan agama adalah hak individu yang termaktub di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan (Masum, 2009); kedua; pemilihan agama bukanlah suatu hak yang diperuntukkan di bawah undang-undang bagi orang Islam di mana Perkara 11(1) tidak membenarkan orang Islam keluar Islam (Chik, 2004) dan ketiga; perkara 11(1) adalah 'senyap' mengenai hak untuk memilih agama dan dengan itu boleh diandaikan bahawa pemilihan agama adalah hak yang boleh dilaksanakan oleh semua kaum yang tidak tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan (Buang, 2007).

Kewujudan hukuman bagi kes-kes keluar Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri menunjukkan bahawa di Malaysia, kedudukan dari segi perundangan terhadap isu keluar Islam adalah tindakan tersebut merupakan satu kesalahan jenayah yang boleh dihukum di bawah undang-undang peringkat negeri namun hukumannya bukanlah hudud (Kamal, 2005). Namun begitu ada yang berpendapat selari dengan ulama' kontemporari bahawa ayat Al Quran yang mentakrifkan "*tidak ada paksaan dalam agama*" juga merujuk kepada hak orang Islam untuk keluar Islam dengan syarat mereka tidak memerangi, mengancam, mencerca dan menghina agama Islam (Adil, 2005).

Ketidak jelasan undang-undang negara berkaitan isu pemilihan agama membawa ketidak pastian kepada pihak terlibat yang ingin keluar Islam. Lina Joy dalam kes *Lina Joy lwn*

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2005] 4 CLJ 666; [2007] 3 CLJ 557 menghabiskan masa selama tujuh tahun di Mahkamah Sivil atas pemahaman bahawa pemilihan agama melibatkan isu tafsiran Perlembagaan Persekutuan yang bidang kuasa hanya pada Mahkamah Sivil didorong oleh ketiadaan peruntukan jelas dalam undang-undang iaitu Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993.

Penyelarasan dari segi penguatkuasaan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah masih lagi gagal dalam memberikan kedudukan muktamad terhadap konflik bidang kuasa di antara kedua-dua Mahkamah serta mengundang kebanyakan kes membincangkan isu bidang kuasa berulang kali dan mengambil masa yang panjang mewujudkan kelengahan dalam memutuskan isu utama kes. Keadaan ini tergambarkan dari kes *Lina Joy, Subashini Rajasingam lwn Saravanan Thangathoray* [2007] 7 CLJ 584, [2007] 2 CLJ 451, [2007] 3 CLJ 209, [2008] 2 CLJ 1 serta *Shamala Sathiyaseelan lwn Dr Jeyaganesh C Mogarajah* [2003] 3 CLJ 690, [2004] 1 CLJ 505, [2004] 2 CLJ 416, [2004] 3 CLJ 516, [2011] 1 CLJ 568 dan kes-kes lain. Ini menyebabkan berlaku ketidakadilan kepada pihak-pihak di dalam pertikaian.

Kesan yang wujud akibat pelaksanaan pemilihan agama menimbulkan keperluan terhadap memastikan kedudukan hak untuk memilih agama di Malaysia. Kertas kerja ini hanya menyingkap mengenai hak untuk memilih agama dari perspektif empat agama iaitu Islam, Hindu, Kristian dan Buddha yang mempunyai jumlah penganut yang ramai di Malaysia.

Agama Islam

Islam dari sudut terminologinya bermaksud selamat, sejahtera, aman dan damai. Manakala dari segi istilah bermaksud kepercayaan kepada “Tiada Tuhan Melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad s.a.w adalah PesuruhNya” serta kepatuhan kepada syariat Allah samada suruhan atau larangan. Penganutnya terikat kepada konsep Iman, Islam dan Ihsan serta Rukun Iman dan Rukun Islam (Yusuff, 2018).

Sebagai sebuah agama yang syumul dan suci, Islam menjamin hak kebebasan beragama. Islam memberi hak kepada setiap individu untuk memilih agama yang ingin dianuti tanpa ada paksaan malahan Islam menyuruh untuk menghormati amalan agama lain. Perkara ini telah dirakamkan oleh Allah S.W.T melalui firman-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud: “*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan. Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui*” (Basmeih, 2010).

Allah juga berfirman di dalam Surah Yunus ayat 99 bermaksud; “*Dan jika Tuhanmu menghendaki niscaya semua orang yang di muka bumi beriman seluruhnya. Apakah engkau memaksa manusia supaya mereka beriman?*” (Basmeih, 2010) Dapat dilihat kedua-dua ayat al-Quran ini memberikan gambaran bahawa konsep kebebasan beragama bagi setiap individu diiktiraf oleh Allah S.W.T.

Paksaan adalah tidak dibenarkan dalam agama kerana beberapa sebab seperti; (Othman, 1994)

- 1) Agama bergantung kepada keyakinan dan kehendak individu itu sendiri yang akan menjadi tidak bermakna sekiranya dipaksa;

- 2) Kebenaran dan kesalahan telah ditunjukkan dengan jelas oleh Allah S.W.T sehinggakan tidak sepatutnya wujud keraguan dalam diri individu mengenai kepentingan iman; dan
- 3) Perlindungan Allah S.W.T adalah berterusan dan perancanganNya adalah untuk sentiasa membimbing manusia ke arah kebenaran.

Menurut Naeem (1993), Islam memperakui hak kebebasan beragama. Ini telah diterima di peringkat antarabangsa melalui Perkara 18 Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR) 1948. Walaupun peruntukan ini tidak diterima oleh sesetengah negara Islam, namun peruntukan ini dianggap penting dalam era permodenan bagi menyatukan dunia. Untuk mengeratkan persefahaman dan keamanan seluruh dunia, peruntukan yang lebih kurang sama telah dikeluarkan oleh Persidangan Dunia bagi Keamanan dan Keagamaan (*World Conference on Religion and Peace*) yang diadakan di Kyoto Jepun pada bulan Oktober 1970, di mana ia dihadiri oleh 1000 orang sarjana yang bersetuju tanpa sebarang bantahan untuk berkongsi hakikat bahawa setiap individu mempunyai hak yang suci untuk menurut suara hati. Tiada seorang pun yang boleh menafikan kepentingan hak terhadap kebebasan merangkumi kebebasan menganut kepercayaan dan agama termasuklah bagi orang Islam. Oleh itu, keputusan akhir perbincangan mengiktiraf hak kebebasan beragama sebagaimana diberikan oleh UDHR 1948 adalah merupakan hak setiap orang kerana takrifan sedemikian tidak bertentangan dengan ajaran al Quran.

Walau bagaimanapun, sesetengah negara Islam tidak mempercayai kebebasan memilih agama. Menurut mereka, kebebasan memilih agama ini berasal dari Barat dan tidak dapat diguna pakai dalam Islam. Seseorang Muslim tidak boleh murtad dan ini merupakan salah satu sebab mengapa negara seperti Arab Saudi tidak bersetuju untuk menjadi ahli kepada instrumen antarabangsa seperti UDHR 1948 yang memperuntukkan kebebasan beragama termasuklah hak untuk memilih agama untuk dianuti di bawah Perkara 18 (Naeem, 1993).

Oleh itu, terdapat perbezaan dalam membincangkan mengenai hak kebebasan beragama dalam konteks agama Islam ini, di mana hak kebebasan beragama yang dimaksudkan adalah hak untuk menganuti sebarang agama, iaitu seseorang itu bebas untuk memilih agama dan jika beliau memilih Islam agamanya, maka adalah dilarang keras untuk keluar dari agama Islam atau pandangan bahawa hak kebebasan beragama ini adalah mutlak dan setiap individu diberi kebebasan untuk memilih agamanya (Ali, 2007).

Pandangan konservatif (Saeed, 2004) yang wujud adalah dari segi menjadikan murtad sebagai satu jenayah yang boleh dihukum oleh pemerintah melalui undang-undang dan bukannya persoalan moral iaitu dosa yang akan dihisab oleh Allah S.W.T di akhirat kelak. Pandangan ini dipersetujui oleh Yusof al-Qaradawi (El-Hebawy, 195). Walaupun beliau sezaman dengan ulama' kontemporari, pandangan beliau lebih menjurus kepada tafsiran dan pandangan ulama' konvensional iaitu seseorang yang murtad perlu dihukum bunuh (Farooq, 2007).

Diskusi Farooq (2007) yang memuatkan “100+ Notable Islamic Voices affirming the Freedom of Faith” menyaksikan kesemua yang mengutarakan pendapat telah bersetuju atas satu perkara utama bahawa Islam mengiktiraf kebebasan memilih agama dengan justifikasi bahawa tiada hukuman yang diperuntukkan di dunia bagi mereka yang murtad. Kesemua bersetuju bahawa ia adalah hak prerogatif Allah S.W.T bagi menghukum mereka yang keluar

Islam di Hari Kiamat nanti. Antaranya adalah Shams al-Din-al-Sarakhsi yang berpendapat murtad adalah kesalahan yang paling besar, walau bagaimanapun ia adalah urusan antara Allah dan manusia dan hukumannya adalah pada hari pembalasan kelak. Hukuman yang dilaksanakan oleh pemerintah di dunia adalah untuk menjaga nyawa dan kepentingan masyarakat awam. Pendapat ini dipersetujui oleh Sheikh Muhammad Al-Mukhtar Al-Shinqiti (Omar, 2006).

Pengarah Institut Kajian Islam, India iaitu Asgar Ali Engineer berpendapat bahawa hukuman bagi kesalahan murtad sememangnya tiada dalam Al- Quran kerana ia bertentangan sama sekali dengan konsep kebebasan beragama yang dinyatakan dalam Al-Quran. Pendapat sama juga diutarakan oleh Zaki Badawi yang antara lain merupakan pengerusi kepada imam dan Masjid di UK dan Chandra Muzaffar yang merupakan penganalisis politik di Malaysia (Farooq, 2007).

Menurut Rahman (2006) ayat Al- Quran yang bermaksud *“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian kafir, sesudah itu beriman kembali, lantas kafir (sekali lagi), kemudian bertambah (meningkat) kekafirannya (dengan merintangikan perkembangan Islam dan lain-lain tindakan yang merendahkan agama), maka tidaklah ada harapan Allah mengampuni mereka dan tidak pula menunjuki mereka ke jalan yang lurus”*, (an-Nisaa: 137)(Basmeih, 2010), merupakan bukti konklusif bahawa tiada hukuman bunuh diperuntukkan oleh Al- Quran bagi mereka yang murtad. Jika ada, maka tidak akan wujud pengulangan bagi murtad sebagaimana dalam Surah di atas. Ini menunjukkan Islam menjamin kebebasan memilih agama.

El-Awa (1999) berpandangan bahawa murtad harus dihukum secara ta'zir dan bukan secara hadd. Oleh itu, seseorang murtad boleh juga dihukum mati. Adalah terpulang kepada Mahkamah untuk menetapkan apakah hukuman yang difikirkan patut.

Adalah jelas bahawa ayat-ayat Al- Quran tidak memperuntukkan hukuman di dunia bagi mereka yang murtad. Dalam Al- Quran, murtad adalah satu dosa yang akan dihukum di akhirat dan bukanlah jenayah yang patut dihukum oleh negara di dunia ini. Di samping itu, wujud ayat-ayat yang memperingatkan Rasulullah s.a.w bahawa beliau hanya bertanggungjawab untuk memberi perkhabaran dan menarik umat manusia ke jalan Allah S.W.T dan paksaan bukanlah cara untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat (Faruqi, 2008).

Kamal (2012) bersetuju bahawa Al- Quran tidak menyebut dengan jelas hukuman ke atas orang murtad. Walau bagaimanapun, sumber hukum Islam bukanlah Al Quran semata-mata tetapi termasuk juga Sunnah Rasulullah (s.a.w) dan ijtihad. Menurut beliau, Al- Quran bukan kanun Undang-undang Jenayah. Jika tidak ada hukuman dalam Al- Quran, tidak bermaksud bahawa pelaku tidak harus dihukum. Rujukan perlu dibuat kepada Sunnah Rasulullah (s.a.w). Beliau seterusnya berpandangan bahawa murtad adalah jenayah dan perlu dihukum bunuh sesuai dengan pandangan ulama' konvensional.

Menurut Adil (2005), ulama kontemporari seperti Abd al-Muta'ali al-Sa'idi menyifatkan bahawa tidak wujud perbezaan antara orang yang murtad dan orang yang dilahirkan dalam kekafiran. Oleh sebab orang kafir diberi kebebasan menganut agama pilihannya, orang murtad juga harus diberi kebebasan untuk meninggalkan agama Islam. Tindakan menahan orang yang murtad dalam tahanan atau penjara seumur hidup dengan tujuan supaya dia

bertaubat juga dianggap mencabuli hak kebebasan beragama yang digariskan dalam Al-Quran.

Menurut Zahra (2008), Islam juga mengiktiraf hak asasi manusia. Pandangan bahawa ajaran Islam bertentangan dengan peruntukan hak asasi dalam Perkara 18 UDHR serta ICCPR adalah bercanggah dengan Al-Quran. Al-Quran tidak meletakkan paksaan ke atas individu untuk menerima kebenaran dari Allah dan adalah terpulang kepada kebebasan memilih masing-masing. Ini berdasarkan ayat Al-Quran dalam Surah Al-Kahfi ayat 29; *“Dan Katakanlah, Kebenaran itu datangnya dari Tuhanmu. Maka siapa yang ingin beriman, hendaklah ia beriman, dan siapa yang ingin kafir, biarlah ia kafir”*.

Walaupun keluar Islam disepakati umum oleh ulama’ sebagai satu dosa, namun tiada kesepakatan ulama dari segi meletakkan hukuman dan siapa yang lebih layak menghukum mereka yang murtad. Walau bagaimanapun, ada peraturan *fiqh* diterima oleh para ‘ulama’ selepas zaman Nabi S.A.W. yang memberi kesan bahawa seseorang Muslim yang menukar agama ke agama lain adalah melakukan murtad dan dengan itu perlu dihukum dengan hukuman yang amat berat. Ini merupakan satu isu kontroversi yang telah ditafsirkan semula oleh para cendekiawan Islam. Sehubungan dengan itu, kebanyakan negara Islam tidak menggunakan peraturan *fiqh* tersebut. Sebagai contoh di Indonesia, tiada masalah murtad, berlawanan dengan Malaysia di mana Islam adalah agama rasmi penukaran agama seorang Muslim sama ada lelaki atau wanita adalah diharamkan (Zahra, 2008).

Kewujudan pandangan yang berbeza di kalangan ulama berkenaan hukuman terhadap mereka yang keluar Islam menunjukkan tiada persefahaman umum atau kesepakatan mengenai isu ini (Saeed, 2004). Pandangan ulama konvensional yang meletakkan hukuman hudud bagi kes murtad telah dicabar oleh ulama kontemporari dan ini membuktikan bahawa tidak menjadi satu kesalahan bagi negara untuk mengaplikasi pandangan ulama kontemporari dalam undang-undang negara.

Dari kesemua pandangan di atas, kesimpulan boleh dibuat bahawa Islam mengiktiraf prinsip kebebasan memilih agama dan manusia dikurniakan akal untuk menilai kebaikan dan keburukan dan dipertanggungjawabkan atas tindakan masing-masing. Tambahan pula dalam Islam maruah manusia adalah berdasarkan fakta bahawa manusia diutuskan ke dunia sebagai khalifah bagi membawa kesejahteraan moral. Al-Quran menekankan kualiti manusia yang mempunyai tanggungjawab moral. Dalam Islam ‘setiap manusia dipertanggungjawabkan dengan amalannya, oleh itu perlulah diberikan kebebasan yang sepatutnya’. Sehubungan itu, kebebasan beragama yang sangat penting kepada manusia adalah dijamin di dalam Islam sebagai salah satu hak yang suci (Halim, 2013).

Menerima pakai pandangan ulama’ kontemporari bermaksud menjadikan pemilihan agama oleh orang Islam sebagai persoalan moral. Di Malaysia, amalan sedia ada telah menjadikan pemilihan agama sebagai persoalan perundangan di mana aturan dikenakan bagi orang Islam yang ingin keluar Islam. Oleh itu, Malaysia telah menangani isu pemilihan agama secara tersendiri tanpa bergantung kepada pandangan ulama kontemporari. Pandangan ulama’ konvensional juga tidak bersesuaian dengan amalan pemilihan agama di Malaysia khususnya dari segi bentuk hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang keluar Islam (Halim, 2013).

Agama Hindu

Menurut Yusuff (2018) agama Hindu turut dikenali sebagai Sanathana Dharma' (agama abadi). Ia dirujuk sebagai budaya Vedik (kitab Veda; Rig, Sama, Yajur dan Atharva), diamalkan sejak 3500SM. Terdapat tiga dewa utama agama Hindu iaitu: Brahma, Vishnu dan Siva. Konsep utama amalan penganut Hindu ialah: Dharma, Samsara, Karma dan Mokhsa. Antara ajarannya berkenaan tugas dan tanggungjawab setiap insan, kelahiran semula, perbuatan yang baik dan kebebasan dari putaran kelahiran dan kematian. Perayaan umumnya ialah Thaipusam dan Ponggal.

Dari segi pemilihan agama, tiada peruntukan dalam kitab agama Hindu yang menghalang seseorang penganut agama Hindu dari menganut kepercayaan lain. Jika berlaku keadaan di mana penganut agama Hindu bertukar ke agama lain, maka tiada hukuman yang akan dikenakan ke atas individu berkenaan. Agama Hindu tidak mempercayai hari kebangkitan semula atau pembalasan di mana segala amalan akan dikira dan diberikan ganjaran atau hukuman (Halim, 2013).

Agama Buddha

Buddha dari segi terminologinya bermaksud 'Yang bebas dari kejahilan' (*awaken one*). Pengasasnya ialah Siddharta Gautama Buddha. Ajaran agama Buddha adalah terdapat Empat Kebenaran Mulia mengenai alam iaitu Penderitaan, Penyebab Kepada Penderitaan, Penamatan Nafsu dan Jalan Menuju Kebenaran iaitu Jalan Lapan Lapis. Perayaan umumnya ialah Hari Wesak (Yusuff, 2018).

Mengikut kitab Buddhisme (Tipitaka/Tripitaka), seorang penganut agama Buddha boleh meninggalkan agama Buddhisme untuk memeluk agama lain. Tiada sebarang peraturan yang menghalang beliau untuk membuat keputusan pertukaran agama. Dia bebas berbuat demikian tanpa sebarang hukuman atau dosa. Kebiasaanya, seorang penganut Buddhisme akan tetap beriman dan berkeyakinan penuh terhadap agama Buddhisme sekiranya meditasinya atau kerohanian sudah mencapai tahap kematangan memusnahkan ego dirinya. Penghapusan ego merupakan satu kebijaksanaan Hati (*inner Wisdom*) untuk mempertahankan benteng atau kubu kerohaniannya melalui Mata Hati (Mata Dharma; Mata Basirah). Mata Hati ialah nur atau cahaya dalam hatinya. Nur atau cahaya kerohanian ini di sebutkan sebagai "*Perfection of Wisdom*" (Prajnaparamita). "*Perfection of Wisdom*" ialah kebijaksanaan untuk mengenali apa "diri dia" sebenarnya dan juga apa "Buddha" sebenarnya.

Seorang penganut Buddhisme yang sudah memperolehi "*Perfection of Wisdom*" akan merasa amat sukar sangat untuk beliau meninggalkan agama Buddhisme untuk memeluk agama yang lain. Mengikut Buddhisme, hati bersih seorang penganut Buddhisme dan agama lain tidak berbeza pada batinnya sungguh pun ibadat lahir (*ritual dan doctrine*) amat berbeza (Halim, 2013).

Agama Kristian

Agama ini dibawa oleh Jesus Christ. Kitab sucinya ialah Bible (*old testament dan new testament*). Empat prinsip utama dalam ajaran Kristian ialah terdapat satu tuhan yang mencipta seluruh alam dan ia berpegang kepada konsep *trinity*. Ajaran Jesus hendaklah diikuti dan setiap orang akan diadili oleh Tuhan berasaskan tingkah lakunya di dunia. Perayaan umumnya ialah Hari Krismas (Yusuff, 2018).

Dalam Bible tiada halangan bagi penganut agama Kristian untuk melaksanakan pemilihan agama. Namun begitu, individu yang berbuat demikian akan mendapat hukuman di Hari Pembalasan nanti (Halim, 2013). Agama Kristian mempercayai sekiranya seseorang itu percaya dengan ketuhanan Jesus dan mempercayai bahawa beliau diutuskan ke dunia ini sebagai penyelamat dan juga mempercayai bahawa beliau merupakan anak tunggal Tuhan Bapa, maka di hari akhirat kelak, orang tersebut akan dapat tinggal bersama-sama di dalam syurga. Individu yang tidak mempercayai sedemikian akan dicampakkan ke dalam neraka dan akan disiksa dengan seksaan yang amat pedih (Rahman, 2011).

Penutup

Hak untuk memilih agama adalah berbeza mengikut agama. Di Malaysia, setiap agama mempunyai cara yang berbeza. Bagi agama Islam, para ulama sepakat bahawa keluar Islam adalah merupakan dosa besar namun dari segi hukuman di dunia tidak disepakati oleh ulama konservatif dan konvensional. Mereka yang murtad pasti akan dihukum di akhirat kelak. Hukuman yang dikenakan oleh kebanyakan Enakmen Jenayah Syariah Negeri bagi kesalahan murtad adalah menghina Islam. Untuk Buddha dan Hindu, agama tidak menghalang sekiranya penganut ingin menukar agama manakala bagi Kristian wujud kepercayaan bahawa sesiapa yang keluar agama akan mendapat hukuman di Hari Pembalasan.

Penghargaan

Artikel ini adalah berdasarkan kepada penemuan daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rujukan

- Abdullah, H. H. (2010). Islam dalam Perlembagaan Malaysia Kewajarannya Berdasarkan Faktor Kesultanan Melayu. *Prosiding Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan (SYUK)*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Adil, M. A. (2005). Kebebasan Beragama dan Hukuman Ke Atas Orang Murtad Di Malaysia. In A. H. Buang, *Mahkamah Syariah Di Malaysia Pencapaian dan Cabaran* (p. 165). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ali, Z. H. (2007). Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia. *Shariah Law Reports*, 44.
- Aziz, S. A. (2007). Apostacy and Religious Freedom: A response to Thio Li-Ann. *MLJ*, ix.
- Basmeih, S. A. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Buang, S. (2007). *Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia Isu Kritikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chik, D. F. (2004). Malay and Islam in The Malaysian Constitution. *Malayan Law Journal*, cxxix.
- Dorfman, A. (2008). Freedom of Religion. *Can. J.L. & Jurisprudence*, 279.
- Durkheim, E. (1954). *The Elementary Forms of Religious Life*. New York: Free Press.
- Edge, P. W. (2006). *Religion and Law An Introduction*. England: Ashgate Publishing Limited.
- El-Awa, M. S. (1999). *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- El-Hebawy, K. (195). *Yusuf al-Qaradawi The Lawful and the Prohibited in Islam*. Selangor: Islamic Book Trust.
- Farooq, M. O. (2007). *Apostacy and Islam*. Di muat turun pada 16 Ogos 2018 daripada <http://apostacyandislam.blogspot.com/?widget-Type>.

- Faruqi, S. S. (2008). *Document of Destiny: The Constitution of The Federation of Malaysia*. Selangor: Star Publications (Malaysia) Bhd.
- Gunn, T. J. (2003). The Complexity of Religion and the Definition of Religion in International Law. *Harvard Human Rights Law Journal*, 189.
- Halim, R. (2013). *Pemilihan Agama Di Malaysia: Antara Hak Moral dan Hak Perundangan*. (Tesis Tidak Diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim, A. M. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Islam, A. M. (2002). *Freedom of Religion in Shariah: A Comparative Analysis*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Kamal, M. H. (2012). Freedom of Religion, Apostacy and Blasphemy in Islam. In A. G. Sein, *Human Rights Law: International Malaysian and Islamic Perspectives* (p. 436). Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Kamal, S. A. (2005). *Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Masum, A. (2009). Freedom of Religion Under The Malaysian Federal Constitution. *Current Law Journal*, 1.
- Naeem, M. (1993). Islam And Freedom of Religion in Islam. *Undang-Undang Islam dan Perbandingan UKM*, p. 1.
- Nasr, S. H. (2010). *Islamic Life and Thought*. Selangor: Islamic Book Trust.
- Omar, A. R. (2006, August). The Right to Religious Conversion: Between Apostacy and Proselytization. Notre Dame, Netherland.
- Othman, S. O. (1994). Principles of Tolerance in Islam and the Historical Practices. In S. O. Hassan, *Islam and Tolerance* (p. 51). Kuala Lumpur: Institut Kemahiran Islam Malaysia.
- Oxford Fajar Dictionary. (2001). Shah Alam, Selangor, Malaysia: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rahman, M. R. (2011). *Agama-Agama Di Dunia*. Selangor: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rahman, S. A. (2006). *Punishment of Apostacy in Islam*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Rajanthiran, R. S. (2010). Islam di Malaysia pada Zaman Penjajah Inggeris. *Prosiding Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan (SYUK)*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rao, M. N. (2003). *Freedom of Religion and Right to Conversion*. Di muat turun pada 16 Ogos 2018 daripada <http://www.ebc-india.com/lawyer/articles/706.htm>.
- Saeed, A. S. (2004). *Freedom of Religion, Apostacy and Islam*. England: Ashgate.
- Thompson, I. (1986). *Sociology in Focus Religion*. New York: Longman.
- Weber, M. (196). *The Sociology of Religion*. London: Methuan & Co.Ltd.
- Yusuff, N. A. (2018). Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya, Di muat turun pada 24 Oktober 2018 daripada [umkeprints.umk.edu.my/6256/1/Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya./pdf](http://umkeprints.umk.edu.my/6256/1/Isu_Dan_Permasalahan_Hubungan_Antara_Agama_Di_Malaysia_Kini_Dan_Jalan_Penyelesaiannya.pdf).
- Zahra, A. (2008). *Human rights, freedom of religion and tolerance; A Muslim perspective*. Di muat turun pada 16 Ogos 2018 daripada <http://www.agc.gov.my>.